

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
KAWASAN : TASEK GELUGOR
TARIKH : 08 MAC 2016, SELASA

SOALAN:

YB. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-

- (a) adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menyemak semula senarai kontraktor kelas F yang masih aktif atau sebaliknya dan membuka penyertaan baru kepada kontraktor atau usahawan muda yang ingin menjadi kontraktor kelas F; dan
- (b) adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menaikkan nilai kerja kontraktor kelas F ke RM300,000.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini terdapat 23,609 kontraktor Gred G1 (Bumiputera) atau Kelas F yang berdaftar di Kementerian Kerja Raya.

Mengenai cadangan pembukaan semula Pendaftaran Kontraktor Gred G1, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kementerian ini telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak Persatuan Kontraktor Bumiputra Kelas F (PERKOBF) dan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) serta Agensi Kerajaan berkaitan iaitu Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU). Berdasarkan hasil perbincangan tersebut Kerajaan telah bersetuju untuk membuka semula pendaftaran kontraktor kerja Gred G1 (Bumiputera) mengikut pengkhususan bidang atau tred mulai bulan Mei 2015.

Pembukaan semula pendaftaran itu merujuk kepada kontraktor yang mempunyai bidang kemahiran atau kepakaran khusus sahaja, seperti kerja-kerja 'tiling', mengecat, 'plaster ceiling', 'plumbing', pendawaian dan sebagainya. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan taraf kontraktor Kelas Gred G1 supaya menjadi kontraktor pakar dalam satu-satu bidang pengkhususan. Melalui pembukaan semula ini Kerajaan berharap ia memberi peluang kepada generasi muda yang berkelulusan teknikal untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan kontraktor.

(b) Mengenai cadangan untuk menaikkan had nilai perolehan kerja daripada RM200,000 kepada RM300,000 bagi kontraktor Gred G1 atau Kelas F, untuk makluman Ahli Yang Berhormat beberapa siri perbincangan telah diadakan dengan pihak-pihak terlibat, termasuk Kementerian Kewangan. Berdasarkan hasil perbincangan tersebut, Kementerian Kewangan bersetuju dengan cadangan kementerian ini untuk mengekalkan had perolehan kontraktor Gred G1 (Bumiputera) kepada nilai perolehan maksimum RM200,000 sahaja.

Keputusan ini dibuat dengan mengambil kira faktor-faktor dan implikasi seperti berikut:

- Implikasi kewangan Kerajaan (tambahan kepada peruntukan pembangunan);
- Implikasi agihan kerja kepada kontraktor Gred G2 dan Gred G4;
- Implikasi peningkatan aspek keperluan teknikal dan kewangan kontraktor kelas G1 untuk melaksanakan projek-projek Kerajaan; dan
- Galakan kepada kontraktor kelas G1 untuk meningkatkan potensi kepada gred yang lebih tinggi.

Sekian. Terima kasih.